

Dua jurulatih silat setempat buat persembahan di Australia

- 2 SEP 1991

Oleh
MARIAMAH YUSOFF

SENI silat semakin tersebar di kalangan orang kulit putih dan kumpulan silat di Singapura tidak ketinggalan dalam usaha mengembangkan seni itu.

Baru-baru ini, dua jurulatih Perkumpulan Silat Selayang Pandang diundang ke Australia untuk mengongsi pengetahuan silat mereka.

Encik Jais Salleh dan Encik Dzulkarnain Noordin telah mengenalkan pelbagai aspek silat kepada kumpulan silat di Sekolah Mempertahankan Diri Jan de Jong di Perth.

Encik Jais yang telah bergiat dalam seni silat sejak 1968 berkata undangan seperti itu akan menggalakkan lebih banyak negara lain mengorak langkah mengundang perkumpulan silat Singapura.

Ini, menurutnya, akan membolehkan kumpulan-kumpulan silat di Singapura mengukir nama dalam arena silat sedunia, katanya.

Menurut Encik Jais, 45 tahun, sekolah tersebut diberi nama Jan de Jong sempena nama pengasasnya.

Encik Jan de Jong, 60 tahun, yang juga guru silat di sekolah tersebut telah mempelajari silat di Semarang, tempat lahirnya.

Beliau juga memegang tali pinggang hitam bagi *jujitsu* — seni mempertahankan diri Jepun — yang turut diajar di sekolahnya.

Menurut Encik Dzulkarnain, 32 tahun, lawatan selama seminggu dari 4 hingga 11 Ogos itu telah memanfaatkan kedua-dua pihak.

“Pengetahuan silat kumpulan di sana terbatas kepada pergerakan secara solo.

“Mereka kurang terlatih dalam aspek silat sebagai seni mempertahankan diri. Malah, kumpulan itu juga tidak tahu bahawa gerak-geri silat juga ada unsur-unsur seninya,” jelas beliau.

Kumpulan silat di sekolah Jan de Jong diberi nama ‘Aliran Setia Hati’ dan mempunyai 16 pengikut berusia antara 14 dengan 31 tahun.

Menerangkan manfaat undangan tersebut bagi Singapura pula, Encik Dzulkarnain yang bergiat dalam silat sejak 1968 berkata: “Undangan dari Australia itu adalah pengiktirafan kepada seni silat di Singapura.”

Beliau kemudian berkata: “Persisi juga (Persekutuan Silat Singapura) harus berusaha untuk menyebarkan pengetahuan silat di sini.

“Mungkin satu hari nanti, kita dapat setanding dengan Indonesia dan dikenali pula sebagai Pusat Silat,” tambah beliau.